



**BAHAGIAN A : OBJEKTIF (40 MARKAH)**

**ARAHAN :** Pilih jawapan yang **BETUL**. Sila tandakan jawapan tersebut di dalam borang OMR yang dibekalkan.

1. Agama islam mengandungi tiga asas utama iaitu:
  - A. Islam, Iman dan Ihsan
  - B. Akidah, Syariah dan Akhlak
  - C. Ibadah, muamalah dan munakahah
  - D. Syariah, Muamalah dan Munakahah
  
2. Siapakah sahabat Baginda Rasulullah s.a.w yang meriwayatkan hadis tentang asas Islam
  - A. Saidina Umar al-Khattab r.a
  - B. Saidina Abu Bakar al-Siddiq r.a
  - C. Abu Hurairah r.a
  - D. Abdullah bin `Abas r.a
  
3. Islam Mengandungi empat aspek utama iaitu:
  - A. Islam, Iman, Ihsan dan akhlak
  - B. Ibadah, muamalah, munakahah dan iman
  - C. Akidah, Syariah, Akhlak dan maqasid Syariah
  - D. Ibadah, Muamalah, Munakahah dan jinayah
  
4. \_\_\_\_\_ ialah tasdiq dengan hati akan apa yang diketahui yang ianya daripada Deen Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW, serta ikrar dengan lidah dan amal.
  - A. Islam
  - B. Iman
  - C. Ihsan
  - D. Aqidah
  
5. \_\_\_\_\_ bererti tulen, suci, kedamaian, keamanan, ketaatan dan penyerahan diri kepada tuhan.
  - A. Iman
  - B. Islam
  - C. Ihsan
  - D. Khusyuk

6. \_\_\_\_\_ beerti ikatan, sangkutan atau menyimpulkan sesuatu
- A. Iman                      B. Islam                      C. Ihsan                      D. Akidah
7. \_\_\_\_\_ bermaksud merendah diri, tunduk, patuh dan taat
- A. Ibadat                      B. Muamalat                      C. Munakahat                      D. Jinayat
8. Ihsan didefinisikan dari segi Syarak bermaksud.....
- A. Tasdiq dengan hati akan apa yang diketahui yang ianya dari Agama Islam yang di bawa oleh Nabi Muhammad S.A.W, serta ikrar dengan lidah dan amal.
- B. Mentauhidkan Allah, patuh, tunduk dan ikhlas kepadanya serta beriman dengan ajaran yang disampaikan melalui Nabi Muhammad S.A.W
- C. Penghayatan pekat akan hadirnya Tuhan dalam hidup, melalui penghayatan diri sebagai sedang menghadap dan berada di depan hadirat-Nya ketika beribadat.
- D. Kepercayaan, keyakinan atau keimanan yang mantap dan tidak mudah terurai oleh pengaruh mana-manapon sama ada dari dalam atau dari luar diri seseorang.
9. Maksud Alam ialah
- A. binatang-binatang
- B. tumbuh-tumbuhan
- C. pemandangan sekitar
- D. Sesuatu selain Allah S.W.T.
10. Ibadah Umum merupakan ibadah yang tidak ditentukan sifat, syarat dan peraturannya dalam al-Quran. Contoh yang paling tepat untuk ibadah ini ialah:
- A. Solat                      B. Tidur                      C. Mandi sunat                      D. Puasa

11. "Tata cara atau peraturan dalam perhubungan manusia sesama manusia untuk memenuhi keperluan masing-masing yang berlandaskan syariat Allah s.w.t yang melibatkan bidang ekonomi dan sosial Islam. Hal ini termasuklah politik, pengetahuan dan teknik, seni dan falsafah". Kenyataan ini menjelaskan tentang:
- Ibadah umum
  - Muamalah umum
  - Hubungan manusia dengan Allah s.w.t.
  - Hubungan manusia sesama manusia dan alam
12. Seseorang itu \_\_\_\_\_ berkahwin sekiranya cukup belanja tetapi tiada keinginan berkahwin.
- wajib
  - sunat
  - makruh
  - haram
13. Mengikut peruntukan Undang-undang Jenayah Syari'ah`, penjenayah-penjenayah yang sabit melakukan kesalahan **membunuh** wajib dikenakan hukuman \_\_\_\_\_
- hudud
  - qisas
  - diyat
  - ta'zir
14. Mengikut peruntukan Undang-undang Jenayah Syari'ah`, penjenayah-penjenayah yang sabit melakukan kesalahan **mencuri** wajib dikenakan hukuman \_\_\_\_\_
- hudud
  - qisas
  - diyat
  - ta'zir
15. Mengikut peruntukan Undang-undang Jenayah Syari'ah`, penjenayah-penjenayah yang sabit melakukan kesalahan **meminum arak** wajib dikenakan hukuman \_\_\_\_\_
- Hudud
  - Qisas
  - Diyat
  - Ta'zir
16. Mengikut peruntukan Undang-undang Jenayah Syari'ah`, penjenayah-penjenayah yang sabit melakukan kesalahan mengedar dadah wajib dikenakan hukuman \_\_\_\_\_
- Hudud
  - Qisas
  - Diyat
  - Ta'zir
17. Maksud Alam ialah
- binatang-binatang
  - tumbuh-tumbuhan
  - pemandangan sekitar
  - Sesuatu selain Allah S.W.T.

18. AKHLAK ialah tingkahlaku yang dipengaruhi oleh dua perkara iaitu:
- A. nilai dan sikap
  - B. adab dan moral
  - C. keturunan dan persekitaran
  - D. pendidikan dan politik
19. Lihat maksud ayat al-Quran ini: *Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk ia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta. (al-mukminun:14) Berdasarkan ayat yang dinyatakan, surah ini menceritakan mengenai:*
- A. Proses kejadian manusia
  - B. Proses kejadian haiwan
  - C. Proses penciptaan semua makhluk
  - D. Proses penciptaan tulang, daging dan makhluk
20. Tujuan Allah s.w.t menjadikan Syariat Islam ialah untuk
- A. tolong menolong sesama manusia
  - B. manusia beribadat kepada Allah s.w.t
  - C. manusia menjadi khalifah di atas muka bumi ini
  - D. memberi kebaikan dan menolak kemudharatan kepada manusia
21. Tujuan Allah s.w.t menjadikan makhluk ialah untuk
- A. beribadat kepada Allah s.w.t.
  - B. manusia beribadat kepada Allah s.w.t
  - C. manusia menjadi khalifah di atas muka bumi ini
  - D. memberi kebaikan dan menolak kemudharatan kepada manusia
22. Antara tujuan pensyariatian hukum adalah untuk memelihara
- |             |                  |                  |                      |
|-------------|------------------|------------------|----------------------|
| I Agama     | II Harta         | III Maruah       | IV Keturunan         |
| A. I dan II | B. I, III dan IV | C. I, II dan III | D. I, II, III dan IV |

23. Ilmu yang berada pada hierarki tertinggi dalam Islam ialah
- A. ilmu wahyu      B. ilmu ilham      C. ilmu logikal      D. ilmu empirikal
24. Darjat ilmu pengetahuan yang paling tinggi ialah
- A. ilmu sains dan teknologi  
B. ilmu falsafah  
C. ilmu hukum-hakam  
D. ilmu mengenal Allah
25. Pengetahuan itu \_\_\_\_\_ dari akal yang mengetahuinya
- A. berpisah      B. bersekali      C. sebahagian      D. suku
26. Pilih kenyataan yang **betul**
- A. Manusia pasti memiliki ilmu kerana mempunyai akal  
B. Manusia cerdik secara semulajadi  
C. Manusia memerlukan kekuatan akal untuk mendapat ilmu  
D. Pengetahuan adalah kelompok ilmu yang sama dengan kemampuan akal
27. Berikut adalah **dua** sumber-sumber pengetahuan yang utama menurut Islam:
- I Wahyu      II Ilham      III pengalaman      IV Insting
- A. I dan II      B. I, dan IV      C. III dan IV      D. II dan III
28. Apakah sumber utama dan terpenting bagi semua jenis ilmu pengetahuan?
- A. Kitab sejarah  
B. Pandangan ilmuan  
C. Pandangan Pemerintah  
D. Pandangan orang-ramai
29. Sistem nilai dalam Islam ditentukan oleh
- A. etika      B. moral      C. budaya      D. syari'at

30. Jenis-jenis nilai ialah
- I pemikiran
  - II keindahan
  - III akhlak
  - IV keagamaan
- A. I dan II sahaja
  - B. II dan IV sahaja
  - C. I, II dan III
  - D. I, II, III dan IV
31. \_\_\_\_\_ ialah ciri keistimewaan Islam yang sesuai dengan fitrah dan kemampuan manusia serta sejajar dengan naluri yang sihat
- A. Menyeluruh
  - B. Keseimbangan
  - C. Realistik
  - D. Kesederhanaan
32. \_\_\_\_\_ ialah ciri keistimewaan Islam. Ianya meliputi segenap aktiviti biologi manusia , perseorangan dan masyarakat.
- A. Menyeluruh
  - B. Keseimbangan
  - C. Realistik
  - D. Kesederhanaan
33. \_\_\_\_\_ merupakan ciri keistimewaan Islam. Ianya meliputi semua orang dan masa
- A. Menyeluruh
  - B. Keseimbangan
  - C. Umum
  - D. Kesederhanaan
34. Semua ajaran Islam adalah daripada Allah. Manusia tidak campur tangan dalam mengubal ajaran Islam. Peranan manusia hanyalah pelaksana dan pemudahcara. Ciri khusus Islam tersebut ialah ciri \_\_\_\_\_
- A. Menyeluruh
  - B. Keseimbangan
  - C. Umum
  - D. Rabbani
35. Apakah istilah yang sama maksud dengan ‘Tamadun’?
- A. Madaniyyah
  - B. Hudari
  - C. Pembukaan bandar
  - D. Al-Din

36. Berikut merupakan ciri asas sebuah tamadun:
- i . wujud sistem penempatan masyarakat
  - ii . pekerjaan tetap yang menjamin pendapatan
  - iii. ada institusi sosial yang sistematik
  - iv. peningkatan kualiti kehidupan yang selesa
- A. i , ii dan iii      B. i , ii dan iv      C. ii, iii dan iv      D. i , iii dan iv
37. Tamadun Islam berbeza daripada Tamadun Barat kerana Tamadun Islam \_\_\_\_\_
- A. diresapi oleh idea-idea berasaskan rasionalisme semata-mata
  - B. menolak wahyu sebagai sumber ilmu
  - C. tidak memisahkan antara ilmu wahyu dengan ilmu intelek
  - D. tidak berdasarkan kepada tauhid
38. Di bawah konsep masyarakat, antara haknya ialah tidak boleh dibunuh dan dicerderakan malah dipelihara namanya setelah ia mati. Hak yang dimaksudkan di sini ialah:
- A. Hak untuk bebas
  - B. Hak untuk hidup
  - C. Hak untuk keadilan
  - D. Hak berfikir dan mengeluarkan pendapat
39. Berikut adalah institusi pendidikan yang pernah wujud sehingga zaman Khulafak al-Raasyidin **kecuali**
- A. Daar al-Arqam
  - B. Masjid Quba'
  - C. Masjid Nabawi
  - D. Madrasah Sa`adah
40. Tujuan utama pendidikan Islam ialah
- A. Menambah ilmu pengetahuan agar dapat mencapai kehidupan yang selesa
  - B. Membentuk serta mengembangkan aspek-aspek kesempurnaan manusia bagi melahirkan manusia yang sempurna
  - C. Memastikan kehidupan manusia tidak terumbang-ambing dibawa arus
  - D. Melengkapkan manusia dengan ilmu pengetahuan



**BAHAGIAN B : (60 MARKAH)**

**Arahan :** Jawab semua soalan di dalam kertas yang disediakan.

1. Jelaskan pengertian Agama. (2 markah)
2. Jelaskan pengertian Islam dari segi bahasa dan istilah. (4 markah)
3. Jelaskan pengertian agama Islam. (4 markah)
4. Jelaskan pengertian Iman dari segi bahasa dan istilah. (4 markah)
5. Jelaskan pengertian Ihsan dari segi bahasa dan istilah. (4 markah)
6. Jelaskan Pengertian Akhlak . (6 markah)
7. Jelaskan pengertian ibadah. (4 markah)
8. Sebutkan **Tiga(3)** ciri ibadah Islam. (6 markah)
9. Jelaskan maksud ibadah khusus dan ibadah umum. (4 markah)
10. Apakah yang dimaksudkan dengan muamalat umum. (3 markah)
11. Terangkan konsep harta menurut Syariat Islam. (3 markah)
12. Jelaskan pengertian Matlamat Syaria`ah ( Maqaasid Syariah). (6 markah)
13. Nyatakan **Lima (5)** ciri Tamadun Islam. (5 markah)
14. Bagi Ahli Sunnah wal Jamaa`aqh, terdapat 4 mazhab. Terangkan mazhab-mazhab tersebut. (5 markah)

**- Soalan tamat -**